

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 JAN 2015

Bangunkan loji nuklear – Dr. Mahathir

Malaysia belum bersedia

Oleh ANGELINA SINYANG
pengarang@utusan.com.my

■ KUCHING 27 JAN.

MALAYSIA tidak memerlukan loji tenaga nuklear untuk mendapatkan sumber elektrik, sebaliknya perlu menerokai dan membangunkan tenaga yang boleh diperbaharui sebagai alternatif pada masa depan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, hal ini kerana pembangunan loji nuklear sebenarnya lebih banyak membawa mudarat daripada manfaat meskipun dikatakan mampu menjana sumber tenaga yang besar untuk sektor perindustrian negara.

Katanya, kerajaan perlu membangunkan tenaga boleh diperbaharui daripada sumber angin, solar, dan ombak sebagai alternatif kepada tenaga elektrik sedia ada.

“Lihatlah apa yang berlaku di Fukushima, Jepun sebelum ini, meskipun pelaksanaan loji nuklear itu dijalankan dengan rapi menggunakan teknologi tinggi, namun tetap menimbulkan masalah ke-



Pembangunan loji nuklear sebenarnya lebih banyak membawa mudarat daripada manfaat meskipun dikatakan mampu menjana sumber tenaga yang besar untuk sektor perindustrian negara.”

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

pada rakyatnya apabila berlaku kebocoran.

“Peristiwa pada 2011 itu telah mengakibatkan pencemaran radiasi dan secara langsung telah menimbulkan kebimbangan masyarakat dunia berhubung risiko tenaga nuklear,” katanya semasa menyampaikan ucapan dalam Persidangan Tenaga Sedunia 2015 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK), di sini hari ini.

Persidangan itu dirasmikan oleh Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II negeri, Datuk Amar Awang Tengah Ali yang mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem.

Menurut Dr. Mahathir, ketika ini, masyarakat dunia sudah menyedari terdapat sumber tenaga alternatif yang boleh diperbaharui, selamat dan murah berbanding tenaga nuklear.

Justeru, ujarnya, kerajaan harus mempertimbang untuk melakukan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta melabur dalam tenaga yang boleh diperbaharui terutama tenaga solar atau elektrik selepas 2020.

Mengenai permohonan Sarawak agar kerajaan meningkatkan bayaran royalti minyak dan gas kepada negeri ini daripada lima peratus sekarang kepada 20 peratus, Dr. Mahathir memberitahu, semakan semula bayaran royalti itu pasti akan mempercepatkan rentak pembangunan di negeri ini.

“Kalau 20 peratus itu mungkin mustahil, namun jika enam peratus atau lebih mungkin suatu yang wajar dipertimbangkan,” ujarnya.

Umm - 28/1/2015